

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA TIAP2 BULAN

TAHUN 10. BILANGAN 6. RABU 17 MACH, 1965 رابو 14 ذوالقعدہ 1384 PERCHUMA

D. Y. M. M. MENGUCHAPKAN TAHNIAH

KAPADA DATO SERI SETIA MAJOR GENERAL WALKER TERHADAP PERKHIDMATAN2-NYA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah menyampaikan ucapan tahniah kepada Pengarah Pergerakan Tentera di-Wilayah2 Borneo, Dato Seri Setia Major General W.C. Walker atas usaha2 dan tugas2 beliau memulehkan ketenteraman, keamanan dan keselamatan ra'ayat Negeri Brunei.

Baginda menerangkan bahawa kejayaan Dato Seri Setia Major General Walker mempertahankan keselamatan negeri ini adalah memelihara ra'ayat dari bahaya kekusutan sengkita pergaduhan dalam negeri yang mengambil masa yang panjang, yang mana akibat-nya akan menyebabkan kesengsara'an menimpa orang2 yang tidak bersalah.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melafadkan titah ucapan Baginda dalam satu Majlis perpisahan mengucapkan selamat belayar kepada Dato Seri Setia Major General Walker dan Datin Walker di-Istana Darul

Hana pada malam 10 Mach, 1965.

Baginda telah memberi pujian kepada Dato Seri Setia Major General Walker atas pimpinan beliau menentang pemberontak2 di-negeri ini dan pencheroboh Indonesia di-wilayah2 tetangga kita.

Seterus-nya Baginda bertitah, "Pada mula-nya ada-lah di-harapkan bahawa dengan terpuleh-nya pemulehan keamanan dan ketenteraman di-Brunei, maka General Dato Walker akan menyempurnakan tugas-nya. Sunggoh malang tidak di-sangka2 hal-nya bukan-lah saperti yang

(Lihat Muka 8)

Pilehan 2 Raya:

**Hari2 Buang Undi
M.M.D. 18 Mach
M.M.N. 20 Mach**

BANDAR BRUNEI. — Hari membuang undi bagi chalun2 dalam Pilehan Raya Majlis Mashuarat Daerah ia-lah 18 Mach, 1965 dan hari membuang undi bagi chalun2 dalam Pilehan Raya Majlis Mashuarat Negeri ia-lah 20 Mach, 1965.

Semua-nya 70 orang chalun akan bertanding untok merebutkan 31 kawasan pemilehan daerah ia-itu 10 kawasan di-Daerah Brunei, 11 kawasan di-Daerah Tutong, 6 kawasan di-Daerah Belait dan 4 kawasan di-Daerah Temburong.

Kawasan pemilehan Majlis2 Mashuarat Daerah berjumlah 55 kawasan, tetapi 24 kawasan telah di-menangi dengan tidak payah bertanding oleh 24 orang chalun pada hari menamakan chalun, ia-itu 18 Februari, 1965.

Dalam Pilehan Raya Majlis Mashuarat Negeri pula, seramai 35 orang chalun akan bertanding bagi merebutkan 9 kawasan undi. Sa-orang chalun, ia-itu Pen-

giran Damit bin Pengiran Sunggoh telah memenangi kawasan pemilehan Brunei (Lihat Muka 5)

D. Y. M. M. BERCHEMAR DULI KA-MAJLIS SAMBUTAN 100 TAHUN H.K.S. BANK

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah berchemar duli ka-Majlis Sambutan Usia 100 Tahun, Hong Kong dan Shanghai Bank di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 4 Mach, 1965.

(Lihat Muka 5)



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan chenderamata kepada Pengarah Pergerakan Tentera2 di-Borneo, Dato Seri Utama Major General W. C. Walker di-satu Majlis Jamuan di-Istana Darul Hana pada malam 10 Mach, 1965. Gambar ini di-ambil di-majlis tersebut. Dari Kiri: Isteri Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri; Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan; Dato Seri Utama Major General Walker dan Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang E. O. Laird.

72 ORANG PENUNTUT2 BRUNEI LULUS PEPEREKSAAN2 SIJIL PERSEKOLAHAN CAMBRIDGE DAN SIJIL UMOM PELAJARAN

BANDAR BRUNEI. — Seramai 72 orang penuntut2 dari Maktab2 Ingggris Kerajaan, Sekolah2 Misi dan penuntut2 bersendirian yang telah mengambil Peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge di-beberapa Pusat Peperiksaan di-Negeri Brunei dalam bulan November dan Disember tahun 1964 telah lulus dalam peperiksaan tersebut.

Jumlah penuntut2 dari Maktab2 dan Sekolah2 tersebut adalah seperti berikut:

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei: Tingkatan I — 2 orang, Tingkatan II — 11 orang dan Tingkatan III — 9 orang. Jumlah 22 orang.

Sekolah Misi Saint Michael, Seria: Tingkatan I — 3 orang, Tingkatan II — 7 orang dan Tingkatan III — 7 orang. Jumlah 17 orang.

Maktab Anthony Abell, Seria: Tingkatan I — 1 orang, Tingkatan II — 3 orang dan Tingkatan III — 6 orang. Jumlah 10 orang.

Sekolah Misi Saint Margaret, Seria: Tingkatan II — 4 orang dan Tingkatan III — 4 orang. Jumlah 8 orang.

Sekolah Misi Perempuan Saint Angela, Seria: Tingkatan I — 1 orang dan Tingkatan II — 6 orang. Jumlah 7 orang.

Sekolah Misi Saint Andrews, Bandar Brunei: Tingkatan I — 1 orang.

Penuntut2 bersendirian yang telah lulus dalam peperiksaan tersebut mengandungi seramai 6 orang penuntut dari Bandar Brunei dan sa-orang penuntut dari Seria.

Selain dari itu, Seramai 17 orang penuntut2 dari Negeri Brunei telah lulus Peperiksaan Sijil Umom Pelajaran ia-itu:

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei: 4 orang. Maktab Anthony Abell, Seria: 4 orang. Sekolah Misi Saint Andrews, Bandar Brunei: 3 orang. Sekolah Misi Saint Margaret, Seria: 2 orang. Sekolah Misi Perempuan Saint Angela, Seria: 1 orang. Penuntut2 Bersendirian: 3 orang.

Keputusan penuntut2 dari Negeri Brunei yang telah lulus dalam Peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge dan Sijil Umom Pelajaran ada-lah seperti di-bawah ini:

MAKTAB S.O.A.S. BANDAR BRUNEI

Eric Keasberry (I). Wvi Ah Moi (I).

Ak. Hassan Bin Pg. Damit (II). Masni Bt. Ali (II). Hajjah Bt. Penglima Asgar (II). Lim Beng Huat (II). Lim Pang Kit (II).

Md. Noor B. Daud (II). Shirley Andrews (II). Siti Hajar Bt. Md. Yusof (II). Ong Kai Hock (II). Sabli B. Hj. Mat Yassin (II). Yee Poh Yoke (II).

Elizabeth Liew (III). Halimah Bt. Md. Ya'akub (III). Hamzah B. Hj. Ja'afar (III). Jeswider Singh (III).

Lionel Keasberry (III). Md. Alinin B. Abd. Wahab (III). Mustapha B. Hj. Abd. Rahman (III). Ronald Thomas (III). Zainal Abidin B. Awg. Ladi (III).

Abu Hanifah B Md. Salleh (S.U.P.). Ak. Hashim B. Pg. Jadid (S.U.P.). Lim Lee Yeh (S.U.P.). Kong Thien Soong (S.U.P.).

MAKTAB ANTHONY ABELL, SERIA

Law Kong Chong (I). Ak. Md. Yassin B. Pg. Momin (II). Chang Wee Ming (II). Dk. Noralam Bte. Pg. Mahmood (II). Ling Pik Yong (III). Eleanor Teo (III). Maimunah Bt. C. A. Mohamed (III). Stella Chia Seen Lin (III). Teo Kian Khong (III). Kamis Bin Ali Hashim (III).

Ibrahim Bin Mumin (S.U.P.). Cheong Jak Kim (S.U.P.). Kong Thin Fui (S.U.P.). Zaitun Bte. Taha (S.U.P.).

SEKOLAH MISI ST. MARGARETS, SERIA

Low Cha Chan (II). Phang Kit Siong (II). Thien Wei Lin/Thien Wei Fai (II). Yong Shing Fui/Yong Sheng Hui (II).

174 Orang Bukan Melayu di-Negeri Brunei Lulus Peperiksaan Bahasa Melayu

BANDAR BRUNEI. — Seramai 174 orang calon2 telah lulus dalam Peperiksaan Bahasa Melayu bagi orang2 bukan Melayu yang telah di-adakan di-beberapa Pusat Peperiksaan di-Negeri Brunei dalam bulan Disember, 1964.

Chalun2 Tingkatan III yang telah lulus dalam peperiksaan tersebut berjumlah seramai 20 orang, Chalun2 Tingkatan II seramai 56 orang. Chalun2 Tingkatan I seramai 59 orang dan Chalun2 Tingkatan Permulaan seramai 39 orang.

Keputusan peperiksaan tersebut ada-lah seperti berikut:

TINGKATAN III

1. Michael Thien W. Ho, Bandar Brunei, 2. Han Ting Kuang, Bandar Brunei, 3. Mrs. S. J. MacIntyre, Bandar Brunei, 4. Wong Mo Lian, Bandar Brunei, 5. Wu Teck Feng, Bandar Brunei, 6. Wong Swee Lan, Bandar Brunei.

7. Wong Siew Ming, Kuala Belait, 8. Yong Thau Nyen, Kuala Belait, 9. Ricky Lo Ban Seng, Kuala Belait, 10. Sim Boon Kiat, Kuala Belait, 11. Lai Foo Yin, Kuala Belait, 12. Lau Chee Meng, Kuala Belait, 13. William Tan, Kuala Belait.

14. M. Veerasamy, Seria, 15. Chong Kon Fah, Seria, 16. Bong Ah Kui, Seria, 17. Yap Fong Seng, Seria, 18. Lau Kim Seng, Seria, 19. A. Graeme, Seria, 20. Wong Chee Fui, Seria.

TINGKATAN II

1. Koh Siew Eng, Bandar Brunei, 2. Geoffrey Wong Hui Choon, Bandar Brunei, 3. Chang Fui Ming, Bandar Brunei, 4. Chan Nyut Sin, Bandar Brunei, 5. Rita Lim Mah Kiam, Bandar Brunei, 6. Thelma Teo, Bandar Brunei.

7. Yong Yu Yun, Bandar Brunei, 8. Lee Kheng Suan, Bandar Brunei, 9. Kok Boon Thuan, Bandar Brunei, 10. M. Bhattacharjee, Bandar Brunei.

Chung Jun Foong (III). Edward Tobing (III). Tan Tei Tei/Cheng Ping Kwang (III). Yeo Meng Whatt (III).

SEKOLA MISI ST. MICHAELS, SERIA

Benedict Thong (I). Frank Singh (I). Mathew Chong Swee Enn (I).

Chin Teck Leong (II). Sebli Hassan (II). Henry Yeo Hai Soon (II).

Lim Jit Keng (II). Stephen Low (II). Tan Kiah Liang (II). Yong Choi Tat (II).

Bujang Ismail B. Pozan (III). Fabian Ho Hock Kheng (III). Paul Yan (III).

Royston Abad (III). Shin Su Onn (III). Tan Kwang Hui (III). Victor Wee Peng Nam (III).

Lee Poh Ming (S.U.P.). Wong Sui Hin (S.U.P.).

SEKOLAH MISI PEREMPUAN ST. ANGELA, SERIA

Juliana Ho (I). Lucy Chung Siew Yin (II). Amy P.

Foo (II). Doreen E. Hiew (II). Susana Ho (II). Alice Leong Vui Fong (II). Milena P. D. Sodder (II). Annie Chong Swee Mee (S.U.P.).

SEKOLAH MISI ST. ANDREWS, BANDAR BRUNEI

Lim Siew Yong (I). Chai Chin Nam (S.U.P.). Ling Ai Ming (S.U.P.). James Thien Wee Ming (S.U.P.).

PENUNTUT2 BERSENDIRIAN, BANDAR BRUNEI

Othman Bin Aw. Damit (II). Teo Ah Hoon (II).

Aisah Bte. Md. Yusof (III). Gregory Newn Min Siong (III). Patrick Yun Hyung Kong (III). Ya'acob Bin Mohd. Yusof (III). Tong Bong Hock (S.U.P.).

PENUNTUT2 BERSENDIRIAN, SERIA

Chai Kho Liat (I). Syn Yun Fah (S.U.P.). Foo Yun Siong (S.U.P.).

TINGKATAN I

1. Koh Bee Moi, Bandar Brunei, 2. Mary Lau, Bandar Brunei, 3. Lim Chiew Kiok, Bandar Brunei, 4. Segundino R. Cabiloa, Bandar Brunei, 5. Emilio A. Hilariid, Bandar Brunei, 6. Policarpio C. Carsola, Bandar Brunei.

7. Fun Phai Hien, Bandar Brunei, 8. Fiona Lim, Bandar Brunei, 9. Fothergill Evelyn, Bandar Brunei, 10. Ho Chin Hong, Bandar Brunei, 11. Chua Soo Thian, Bandar Brunei, 12. Wee Ban Chuan, Bandar Brunei.

13. Soon Chin Siong, Bandar Brunei, 14. Tham Yoke Sze, Bandar Brunei, 15. Yapp Guan Hoe, Bandar, 16. Lim Teck Hock, Bandar Brunei, 17. Alice Wong, Bandar Brunei, 18. Richard Chang Sieh Ing, Bandar Brunei.

19. Chung Yon Ching, Kuala Belait, 20. Chiam Aye Geok, Kuala Belait, 21. Lin Fui Keong, Kuala Belait, 22. Low Heng Chew, Kuala Belait, 23. Lam Mee Yin, Kuala Belait, 24. Cheong Poh Suan, Kuala Belait.

25. Wong Mei Kuen, Kuala Belait, 26. Chong Kui Len, Kuala Belait, 27. Leong Yoke Lin, Kuala Belait, 28. Chung Yit Lan, Kuala Belait, 29. Ng. Siew Chop, Kuala Belait, 30. Lim Lian Hua, Kuala Belait.

31. Chai Moi Kui, Kuala Belait, 32. Ha Nyuk Yun, Kuala Belait, 33. Chin Kui Chong, Kuala Belait, 34. Leong Pun Kong, Kuala Belait, 35. Chin Chee Sin, Kuala Belait, 36. Yee Shek Yuan, Kuala Belait.

37. Chan Siew Foon, Kuala Belait, 38. Wong Kim Fatt, Kuala Belait, 39. Lee Poh Keng, Kuala Belait, 40. Lau Chin Hong, Kuala Belait, 41. Lim Poh Yim, Kuala Belait.

42. Chu Shing Fatt, Seria, 43. Han Chou Guan, Seria, 44. Han Eu Kuang, Seria, 45. Jan Kiau Seria, 46. Shim Yun Fong, Seria.

47. Lu Chow Kee, Seria, 48. Lee Nyuk Siew, Seria, 49. Liew Feng Choi, Seria, 50. Liew Kui Fah, Seria, 51. Francis Th'ng Kok Hon, Seria.

(Lihat Muka 3)

29 ORANG REKRUT₂ BAHARU A.M.B. TAMAT BERLATEH

BERAKAS. — Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei, Lieutenant Colonel D.M. Fletcher telah memeriksa perbarisan tamat latihan 29 orang rekrut₂ baharu dari pengambilan ke-dua Askar Melayu Brunei dalam satu upacara yang telah di-langsungkan di-halaman perbarisan Askar Melayu Brunei di-Berakas pada hari Sabtu 6 Mach, 1965.

Perbarisan itu telah di-adakan di-bawah pimpinan Second Lieutenant Ariffin bin Abdul Wahab.

Turut mengambil bahagian dalam upacara perbarisan itu ialah seramai 28 orang rekrut₂ yang belum lagi tamat berlately dan juga Pancharagam Askar Melayu Brunei.

Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei, Lieutenant Colonel D.M. Fletcher telah tiba di-halaman perbarisan itu tepat pada pukul 8.30 pagi. Sa-lepas menerima Hormat Panglima, beliau telah memeriksa perbarisan rekrut₂ yang telah tamat berlately itu.

Kemudian rekrut₂ itu telah berjalan lalu lintas dengan chergas sambil memberikan Tabek Kehormatan kepada Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei.

Lieutenant Colonel Fletcher telah menyampaikan Piala₂ Perak kepada rekrut yang terbaik sekali dan juga kepada penembak yang terbaik sekali di-upchara perbarisan itu.

Rekrut yang terbaik sekali ialah Awang Hashim bin Zainal Abidin dari Kuala Belait, manakala penembak yang terbaik sekali ialah Awang Abdul Karim bin Bandul dari Kampong Masin, Jalan Tutong.

Lieutenant Colonel Fletcher telah juga menyampaikan topi hijau kepada semua rekrut yang telah tamat berlately di-upchara tersebut.

Rekrut₂ tersebut telah tamat berlately selama 12 minggu. Rekrut₂ baharu yang belum tamat berlately akan tamat latihan mereka dalam bulan Mei akan datang.

Keputusan Lumba Berjalan Kaki

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan Berjalan Kaki anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei telah di-adakan pada pagi hari Ahad 28 Februari, 1965 sa-jauh 17 batu dari Pekan Muara ka-Bandar Brunei untuk peserta₂ lelaki dan sa-jauh 8½ batu dari Sungai Hanching ka-Bandar Brunei untuk peserta₂ perempuan.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Muhammad telah menyampaikan hadiah₂ sa-lepas tamat perlumbaan tersebut dan keputusannya ada-lah seperti berikut:

PESERTA₂ LELAKI: BAHAGIAN SENIOR — (1) John Gayford. Masa-nya 3 jam 32 sa'at (rekod baharu). (2) Private Sinin Metali dari Askar Melayu Brunei. Masa-nya — 3 jam, 6 minit dan 31 sa'at. (3) Joseph Chin. Masa-nya 3 jam, 9 minit dan 45 sa'at. Private Sinin dan Joseph juga telah menchiptakan rekod₂ baharu. **BAHAGIAN JUNIOR** — Pemenang Pertama 1. Awangku Sidek. Masa-nya 3 jam, 35 minit dan 2 sa'at di-turuti oleh Terrance Boyd dan Abdullah bin Wahab. **BAHAGIAN ORANG DEWASA.** (1). Jumabat bin Sahat. Masa-nya 3 jam 32 minit, 7 sa'at. (2). Ahmad bin Tali. (3). Douglas Boyd.

PESERTA₂ PEREMPUAN: Johan — Dayangku Halimah binti Pengiran Apang. Masa-nya — 1 jam, 16 minit, 30 sa'at (rekod baharu). Naib Johan, Fannie Chee. Pemenang ketiga Dayang Rosni Ali.

BAHAGIAN PASOKAN (1). Maktab Perguruan Melayu Brunei. (2). Askar Melayu Brunei. (3). Pejabat Perubatan.

174 Orang Bukan Melayu di-Negeri Brunei Lulus Pepereksaan Bahasa Melayu

(Dari Muka 2)

52. Wong Ing Kieng, Seria. 53. Liew Sin Choi, Seria. 54. Molly Goh Joo Kiaw, Seria. 55. Liew Wah Ming, Seria. 56. Chan Kah Seng, Seria.

57. Chai Nyu Shain, Tutong. 58. Mak Pok Yee, Tutong. 59. Wendy Sung Ai Yin, Bandar Brunei.

TINGKATAN PERMULAAN

1. Ronald Hector Mewa, Bandar Brunei. 2. I. A. Harris, Bandar Brunei. 3. R. Jones, Bandar Brunei. 4. Pittar W. G. (Mrs.), Bandar Brunei. 5. Fothergill Evelyn, Bandar Brunei. 6. Chew Poh Choo, Bandar Brunei.

7. See Chee King, Bandar Brunei. 8. Chan Kon Fong, Bandar Brunei. 9. Lai Yuck Hwa, Bandar Brunei. 10. Tham Yoke Sye, Bandar Brunei. 11. Soon Chin Siang, Bandar Brunei. 12. Chen Sen Choon, Bandar Brunei. 13. Wee Ban Chuan, Bandar Brunei. 14. Ho Chin Hong, Bandar Brunei. 15. Chua Soo Thian,

Bandar Brunei, 16. Lim Kian Thong, Bandar Brunei, 17. Liew Ah Soon, Bandar Brunei, 18. Ong Kai Tit, Bandar Brunei.

19. Ng Ling, Kuala Belait, 20. Lee Su Moi, Kuala Belait, 21. Hiew Nyuk Furn, Kuala Belait, 22. Chong Fah Gin, Kuala Belait, 23. Shim Shieh Fong, Kuala Belait. 24. Lim Shai Hiong, Kuala Belait.

25. Chong Yin Kui, Kuala Belait, 26. Siam Kwai Nyuk, Kuala Belait, 27. Chen Kok Liang, Kuala Belait, 28. Liaw Chai Fah, Kuala Belait, 29. Yapp Kim Sang, Kuala Belait, 30. Lee Tet Min, Kuala Belait.

31. Stephen Chok Nyuk Fah, Kuala Belait, 32. Fang Sin Choon, Kuala Belait, 33. John Sim, Kuala Belait, 34. Toon Siew Ngoh, Kuala Belait, 35. Doris Law Kam Ngo, Kuala Belait.

36. Sung Toke Kaw, Kuala Belait, 37. Teo Choon Liang, Kuala Belait, 38. Wong Chee Hwa, Kuala Belait, 39. Jasbir Singh, Bandar Brunei.

Ahli² J.K. Tadbir PERKASA Tahun 1965

KAMPONG SABA. — Ahli² Jawatan Kuasa Tadbir, Persatuan Kampong Saba (PERKASA) Brunei bagi Tahun 1965 yang telah di-lantek dalam Mashuarat Agong PERKASA baharu₂ ini ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua—Awang Thani bin Muhammad. Naib Yang Dipertua — Awang Bungsu bin Pudin.

Setia Usaha Agong — Awang Md. Daud bin Taha. Penolong Setia Usaha Agong — Awang Ibrahim bin Muhammad.

Bendahari Kehormat — Awang Md. Yusof bin Muhammad. Pemeriksa Kira₂ Kehormat — Awang Sarwadi bin P. Haji Abdullah.

Setia Usaha Kebudayaan dan Kesenian — Awang Masri bin Raub. Setia Usaha Pelajaran — Awang Emran bin Umar. Setia Usaha Penerangan dan Persuratan—Awang Timbang bin Abdul Halim. Setia Usaha Kebajikan — Awang Nasir bin Haji Sulaiman. Setia Usaha Sokan — Awang Azamain bin Abdul Kahar.

Ahli² Jawatan Kuasa Tadbir Yang Tidak Berjawatan—Awang Kasim bin Abu Bakar, Awang Tahir bin Haji Ahmad, Awang Mohidin bin Ahmad, Awang Abdul Kahar bin Haji Tamit dan Awang Perak bin Haji Besar. — Berita kiriman: Awang Ibrahim bin Muhammad.

Jadual Lawatan Badan Penerangan Agama Islam Brunei

BANDAR BRUNEI.—Jadual lawatan anggota₂ Badan Penerangan Agama Islam Negeri Brunei ka-beberapa tempat di-Negeri Brunei untuk memberi sharahan berkenaan dengan Agama Islam pada hari Juma'at 19 Mach, 1965 dan hari Juma'at 26 Mach, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:

Hari Juma'at 19 Mach: (a) 11 pagi ka-12.30 tengah hari di-Masjid Sinaut, Daerah Tutong dan (b) 2 petang ka-4 petang

di-Sekolah Melayu Puni, Daerah Temburong.

Hari Juma'at 26 Mach: (a) 11 pagi ka-12.30 tengah hari di-Masjid Tanjong Maya, Daerah Tutong dan (b) 11 pagi ka-12.30 tengah hari di-Masjid Pulau Baru-Baru, Daerah Temburong.

Orang ramai ada-lah di-persilakan hadir pada masa lawatan anggota₂ Badan Penerangan Agama Islam Brunei ka-tempat₂ tersebut.

Waktu² Sembahyang, Amsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu² sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah₂ Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17 Mach hingga ka-hari Rabu 31 Mach, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Matahari							
	Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
17	4.56	5.10	6.25	12.34	3.53	6.36	7.47	
18	4.56	5.10	6.25	12.34	3.52	6.36	7.47	
19	4.56	5.10	6.25	12.34	3.52	6.36	7.47	
20	4.55	5.09	6.24	12.33	3.51	6.36	7.47	
21	4.55	5.09	6.24	12.33	3.51	6.36	7.47	
22	4.55	5.09	6.24	12.33	3.51	6.35	7.46	
23	4.54	5.08	6.23	12.32	3.50	6.35	7.46	
24	4.53	5.07	6.22	12.32	3.50	6.35	7.46	
25	4.53	5.07	6.22	12.32	3.49	6.35	7.46	
26	4.53	5.07	6.22	12.32	3.49	6.35	7.46	
27	4.52	5.06	6.21	12.31	3.48	6.34	7.46	
28	4.52	5.06	6.21	12.31	3.48	6.34	7.45	
29	4.52	5.06	6.21	12.31	3.47	6.34	7.45	
30	4.51	5.05	6.20	12.30	3.47	6.34	7.45	
31	4.50	5.04	6.19	12.30	3.46	6.34	7.45	

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap₂ waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

PILEHAN RAYA MAJLIS2 MASHUARAT DAERAH: TEMPAT2 DAN WAKTU MEMBUANG UNDI

Sinarai tempat2 dan waktu2 membuang undi bagi Pilehan Raya Majlis2 Mashuarat Daerah pada 18 Mach, 1965:

Kawasan Pemilihan	Tempat Buang Undi	Waktu2 Buang Undi
Muara	(a) Sekolah Melayu Muara (b) Sekolah Melayu Sungai Hanching	8 pagi — 6 petang 8 pagi — 6 petang
Gadong	Sekolah Melayu Gadong	8 pagi — 6 petang
Kilanas	Sekolah Melayu Kilanas	8 pagi — 6 petang
Sengkurong	Sekolah Melayu Sengkurong	8 pagi — 6 petang
Tanjong Nangka	Sekolah Melayu Katimahar	8 pagi — 6 petang
Pengkalan Batu	Sekolah Melayu Pengkalan Batu	8 pagi — 4 petang
Pekan Brunei	Sekolah Melayu S.M.J.A.	8 pagi — 6 petang
Burong Pinggai	Klinik, Lorong Dalam	8 pagi — 6 petang
Saba Darat	Sekolah Melayu Sungai Kebun	8 pagi — 6 petang
Peramu	Sekolah Melayu Sungai Kebun	8 pagi — 6 petang
Kiudang	Sekolah Melayu Kiudang	8 pagi — 6 petang
Lamunin	Sekolah Melayu Lamunin	8 pagi — 5 petang
Sinaut	Sekolah Melayu Sinaut	8 pagi — 6 petang
Penanjong-Keriam	Sekolah Melayu Keriam	8 pagi — 6 petang
Pekan Tutong	Bangunan Sementara di-hadapan Garage J.K.R.	8 pagi — 6 petang
Kuala Tutong	Bangunan Sementara di-Kampung Sengkarai	8 pagi — 6 petang
Danau	Sekolah Melayu Telisai	8 pagi — 6 petang
Tanjong Maya	Sekolah Melayu Tanjong Maya	8 pagi — 5 petang
Layong	Sekolah Melayu Layong	8 pagi — 4 petang
Ukong-Bukit	(a) Sekolah Melayu Ukong (b) Sekolah Melayu Bukit	8 pagi — 4 petang 8 pagi — 4 petang
Rambai	Sekolah Melayu Rambai	8 pagi — 3 petang
Pekan Seria	Tempat Memeriksa Hutan, Seria	8 pagi — 6 petang
Lorong Tiga	Bekas Kelab Belia, Lorong 3, Seria	8 pagi — 6 petang
Temanggong	Bangunan Sementara di-Jalan Temanggong	8 pagi — 6 petang
Tanjong	Bangunan Sementara dekat Kastam, Tanjong	8 pagi — 6 petang
Kuala Balai	Balai Raya, Kuala Balai	8 pagi — 3 petang
Labi	Balai Raya, Labi	8 pagi — 2 petang
Bangar	Sekolah Melayu Bangar	8 pagi — 6 petang
Pandaruan	Sekolah Melayu Bokok	9 pagi — 4 petang
Batu Apoi	Sekolah Melayu Batu Apoi	9 pagi — 4 petang
Labu	Sekolah Melayu Labu	9 pagi — 4 petang

Chalun2 yang akan bertanding dalam Pilehan Raya Majlis2 Mashuarat Daerah pada 18 Mach, 1965.

DAERAH BRUNEI

MUARA	CHOGAN
Awang Md. Ali b. D.S. Laila Samat Awang Ali b. Ahmad	Ayam Buah Kelapa
GADONG Awang Ahmad b. Chuchu Haji Nawang b. Ali	Ketel Tikuan
KILANAS Haji Halus b. A. Samad Pg. Haji Abu Bakar b. Pg. Md Salleh	Pipe Ayer Ikan
PANGKALAN BATU Haji Baha b. Haji Kamis Haji Bungsu b. Hj. Kadir	Terupong Chawan
BURONG PINGGAI Tuan Haji Bakar b. Awang Hassim Md. Yusof b. Piut	Kuda Pokok Kayu
SABA DARAT Awang Ahmed b. Abdullah Abdul Gani b. Haji Tengah	Penyiram Bunga Tangga
PERAMU Haji Ismit b. Haji Naim, Bakar b. Salleh	Basikal Perisai
PEKAN BRUNEI Ong Kim Kee See Ching Siong (See Bah Lee) Peng. Haji Yussof b. Pg. Mohamed Limbang	Kepala Engin Tractor Kunchi
SENGKURONG Haji Tamin b. Hj. Tamit Ahmad Jalani b. Abd. Rahim	Pisang Burong
TANJONG NANGKA Awang Kula b. Mangol Ludin b. Haji Mohamed	Kapal Terbang Padi
DAERAH TUTONG	
KIUDANG P. Othman b. P. Salleh Suhaili b. Khatib. Wahid	Jam Meja Tukol pencil berchabang berkalong bulat. Buah Kelapa.
Munchong b. Angkai	

LAMUNIN

Sabtu b. Hassan
Suhaili b. Dagong

SINAUT

Abu b. Salam
Abang b. Tinggal

Awang Sulaiman b. Akai

PENANJONG-KERIAM

Metali b. Haji Talib
Abd. Salam b. Othman

PEKAN TUTONG

Haji Ghazali b. Umar

Abd. Wahab b. O.K. Md. Safar

DANAU

Jilli b. Ibrahim (O.K.P.I.)

Ismail b. Tarip
Awang Morni b. Ahmad

KUALA TUTONG

Md. Yassin b. Metassan
Rasil b. Haji Lahid

TANJONG MAYA

Mohd. Zain b. Serudin
Abdul Manaf b. Lakim

LAYONG

Ibrahim b. Haji Md. Serudin
Besar b. Abd. Rahman

Numan b. Kuleh

UKONG-BUKIT

Ringgit b. Luang
Tawak b. Timang
Belanchai b. Sidu

RAMBAI

Edin b. Haron
Damit b. Salleh

DAERAH BELAIT

PEKAN SERIA

Abdul Samad b. Metussin
Malai Mashhor b. Malai Hj. Abdul Hamid

TEMANGGONG

Haji Merusin b. Abdullah
Zainal Abidin b. Puteh

TANJONG

Ahmad b. Haji Abd. Razak
Peng. Haji Abd. Wahab b. Pgn. Anak
Abdul Rahman

KUALA BALAI

Ura b. Taha
Hasim b. Adil

LABI

Mokti b. Yahya
Ali Kudi b. Abdul Talib

LORONG TIGA

Ismail b. Duraman
Ahmat Tamin

DAERAH TEMBURONG

BANGAR

Abdul Hamid b. Adam
Md. Zin b. Kamis
Awang Hj. Tengah b. Ampuan Daud

PENDARUAN

Haji Ja'afar b. Ali
Lakim b. Haji Badar

BATU APOI

Tuah b. Tali
Lim Jit Jau (Ah Hing)
Sulaiman b. Md. Yassin

LABU

Metusin b. Aliakbar
Chin Ah Wa

CHOGAN

Kipas (Kipas tangan)
Radu

Sikat
Tukol pencil
berchabang berkalong
bulat.
Pipe Sigupan.

Terupong
Tukol pencil
berchabang berkalong
bulat.

Tukol pencil
berchabang berkalong
bulat.
Derik Minyak

Tukol pencil
berchabang berkalong
bulat.
Kunchi
Tangga

Kipas Anggin (Electric)
Tukol pencil
berchabang berkalong
bulat.

Pokok Kayu
Tukol pencil
berchabang berkalong
bulat.

Angsa
Tukol pencil
berchabang berkalong
bulat.
Tikuan

Payong
Kerusi
Tukol pencil
berchabang berkalong
bulat.

Chawan
Kuda

Basikal
Tangga

Tractor
Perisai

Pipe Ayer
Terupong

Ikan
Kendi

Derik Minyak
Daun

Kepala Engin
Anak Kunchi

Basikal
Burong
Pisang

Ikan
Ketel

Kapal Terbang
Chermin Mata
Topi

Talipon
Gajah.

PILEHAN RAYA MAJLIS MASHUARAT NEGERI:

TEMPAT² DAN WAKTU² MEMBUANG UNDI

Sinarai tempat² dan waktu² membuang undi bagi Pilehan Raya Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada 20 Mach, 1965.

Chalun² yang akan bertanding dalam Pilehan Raya Majlis² Mashuarat Negeri Brunei pada 20 Mach, 1965:

Kawasan Pemilihan	Tempat Buang Undi	Waktu ² Buang Undi
Brunei Barat	(a) Sekolah Melayu Gadong	8 pagi — 6 petang
	(b) Sekolah Melayu Kilanas	8 pagi — 6 petang
	(c) Sekolah Melayu Sengkurong	8 pagi — 6 petang
	(d) Sekolah Melayu Katimahar	8 pagi — 6 petang
	(e) S.M. Pengkalan Batu	8 pagi — 4 petang
	(f) Sekolah Melayu Lumapas	8 pagi — 4 petang
	(g) Sekolah Melayu Kasat	8 pagi — 4 petang
Bandar Brunei	(a) Sekolah Melayu S.M.J.A.	8 pagi — 6 petang
	(b) Bangunan Sementara di-Pusar Ulak	8 pagi — 6 petang
Kampung Ayer	(a) Bangunan Sementara dekat Balai Bomba	8 pagi — 6 petang
	(b) Bangunan Sementara di-hujung Jalan Elizabeth (dekat Masjid O.A.S.)	8 pagi — 6 petang
	(c) Bangunan Sementara di-belakang Panggong Wayang Gambar Borneo	8 pagi — 6 petang
	(d) Rumah (sewa) Awang Achee bin Haji Mokti di-Kampung Tamoi	8 pagi — 6 petang
	(e) Klinik Lorong Dalam	8 pagi — 6 petang
	(f) S.M. Sungai Kebun	8 pagi — 6 petang
	(g) S.M. Leila Menchanai	8 pagi — 6 petang
Tutong Timor	(a) Bangunan Sementara di-Batu 18	8 pagi — 6 petang
	(b) S.M. Kiudang	8 pagi — 6 petang
	(c) S.M. Lamunin	8 pagi — 5 petang
	(d) S.M. Sinaut	8 pagi — 6 petang
	(e) S.M. Keriam	8 pagi — 6 petang
	(f) Bangunan Sementara di-hadapan Garage J.K.R.	8 pagi — 6 petang
Tutong Barat	(a) Bangunan Sementara di-Kampung Sengkarai	8 pagi — 6 petang
	(b) S.M. Telisai	8 pagi — 6 petang
	(c) S.M. Tanjong Maya	8 pagi — 5 petang
	(d) S.M. Layong	8 pagi — 4 petang
	(e) S.M. Ukong	8 pagi — 4 petang
	(f) S.M. Bukit	8 pagi — 4 petang
	(g) S.M. Rambai	8 pagi — 3 petang
Seria	(a) Balai Raya Sungai Liang	8 pagi — 5 petang
	(b) Tempat Memeriksa Hutan, Seria	8 pagi — 6 petang
	(c) Bekas Kelab Belia Lorong 3. Seria	8 pagi — 6 petang
	(d) Dewan Masharakat, Seria	8 pagi — 6 petang
	(e) Bangunan Sementara dekat Balai Pulis Panaga	8 pagi — 6 petang
Kuala Belait	(a) Bangunan Sementara di-Jalan Panglima	8 pagi — 6 petang
	(b) Bangunan Sementara di-Jalan Temanggong	8 pagi — 6 petang
	(c) Bilek Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kuala Belait	8 pagi — 6 petang
	(d) Bangunan Sementara dekat Kastam, Tanjong	8 pagi — 6 petang
Ulu Belait	(a) Balai Raya, Kuala Balai	8 pagi — 3 petang
	(b) Balai Raya, Labi	8 pagi — 2 petang
	(c) Balai Raya, Bukit Sawat	8 pagi — 2 petang
Temburong	(a) S.M. Bangar	8 pagi — 6 petang
	(b) S.M. Puni	8 pagi — 6 petang
	(c) S.M. Belingos	8 pagi — 6 petang
	(d) S.M. Amo	10 pagi — 2 petang
	(e) S.M. Bokok	9 pagi — 4 petang
	(f) S.M. Batu Apoi	9 pagi — 4 petang
	(g) S.M. Labu	9 pagi — 4 petang

	CHOGAN
BRUNEI BARAT	
Pg. Hj. Abu Bakar b. Pg. Md. Salleh	Kupu-Kupu
Haji Halus b. A. Samad	Radu
BANDAR BRUNEI	
Pg. Hj. Yussof b. P. Md. Limbang	Kipas (kipas tangan)
Ong Kim Kee	Angsa
Haji Ya'akub A. Zainal	Derek Minyak
See Ching Siong (See Bah Lee)	Buah Manggis
A. Arshad b. Marsal	Daun
KAMPONG AYER	
Awang Othman b. Awg. Sunggoh	Pipe Sigupan
Mohammad Taib b. Hj. Md. Salleh	Bunga
Tuan Hj. Bakar b. Awg. Hashim	Payong
TUTONG TIMOR	
Pg. Othman b. Pg. Salleh	Jam Meja
Abdul Wahab b. O. K. Md. Safar	Lampu Meja
Haji Ghazali b. Umar	Tukol pencil berchabang berkalong bulat.
TUTONG BARAT	
Bakri b. Hj. Md. Sadin	Jambatan
Kapal b. Bundan	Meja
Mohd. Zain b. Serudin	Rumah Lampu
Abdul Manan b. Muhammad	Padi
SERIA	
Abdul Samad b. Metussin	Angsa
Pg. Md. Yusuf b. Pg. Abu Bakar	Kipas (kipas tangan)
Malai Mashhor b. Malai Hj. Abdul Hamid	Buah Manggis
Jilli b. Ibrahim (O.K.P.I.)	Tukol pencil berchabang berkalong bulat.
KUALA BELAIT	
Pg. Hj. Abdul Wahab	Laba-Laba
b. Pg. Anak Abdul Rahman	Pipe Sigupan
Zainal Abidin b. Puteh	Radu
Abu Hanifah b. O.K.P.S. Di-Raja	Chawan
Hj. Abang Bujang	Bunga
Awang Metali b. Omar Inche'	Kulimambang
Haji Marusin b. Abdullah	Payong
Ahmad b. Haji Abd. Razak	
Stephen Liew Kee Soon	
ULU BELAIT	
Lim Leong Kui	Pokok Kayu
Harun b. Kathib Razak	Kipas Angin (Elektrik)
Ubi b. Lichen	Kuda
Arbik b. Othman	Buah Kelapa
Ariff b. Mujun	Ayam
TEMBURONG	
Pg. Majid b. Pg. Md. Daud	Tukol pencil berchabang berkalong bulat.
Teo Eng Teck	Padi

Pilehan² Raya

(Dari Muka 1)

Timor dengan tidak payah bertanding pada hari menamakan chalun ia-itu 18 Februari yang lalu.

MASHUARAT AGONG PERSATUAN PENGAKAP

BANDAR BRUNEI. — Mashuarat Agong Ulang Tahun Persatuan Pengakap Daerah Brunei akan di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada pukul 5 petang hari Sabtu 20 Mach, 1965.

D.Y.M.M. BERCHEMAR DULI KA-MAJLIS SAMBUTAN 100 TAHUN H.K.S. BANK

(Dari Muka 1)

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melafadzkan satu titah ucapan yang berharga di-majlis tersebut. Turut memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang E.O. Laird dan oleh Pengurus Hong Kong dan Shanghai Bank di-Bandar Brunei, Awang P.M. Parson.

Pancharagam Pulis Brunei telah bermain di-temasha tersebut.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Pemereksa Kenderaan

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan2 Pemereksa Kenderaan (Vehicle Inspector) di-Pejabat Kenderaan Darat, Brunei. (2 jawatan)

Pegawai2 tempatan yang sedang berkhidmat dan yang menjadi ra'ayat Sultan atau yang berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan yang suka memohon jawatan ini hendaklah menghantarkan permohonan2 mereka melalui Ketua Pejabat masing2.

GAJI: Dalam sukatan gaji \$570 x 30—750 sa-bulan.

KELAYAKAN2:

(a) Pemohon2 mesti-lah lulus Form II atau yang bersamaan di-Sekolah Inggeris dan darjah V di-Sekolah Melayu.

(b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Trade School B.S.P. Co. Ltd. dalam Bahagian Mechanical Engineering atau bersamaan.

Atau Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat di-sa-buah Pejabat Engineering sebagai Foreman Mechanic sekurang2nya selama lima tahun atau mesti mempunyai kebolehan yang memuaskan atas kerja2 pentadbiran dan technical bagi sa-orang Pemereksa Kenderaan.

(c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 pemandu untuk memandu kenderaan2 di-klas 1 dan 4.

TUGAS2:

(a) Memeriksa kenderaan2 dan menyediakan penyata2 kerosakan.

(b) Memeriksa dan menyediakan penyata2 berkenaan dengan kenderaan2 yang terbabit dalam kemalangan.

(c) Menguji pemohon2 bagi mendapat lesen2 pemandu.

(d) Di-kehendaki menolong pada biasa-nya pekerjaan di-Pejabat.

LAIN2 PERKARA:

Pemereksa2 Kenderaan akan juga di-kehendaki bertugas pada hari2 Juma'at dan Ahad serta Kelepasan Awam, sekiranya mereka di-kehendaki oleh pihak Pulis memeriksa kenderaan2 yang telah terbabit dalam sebarang kemalangan.

Borang2 permohonan boleh didapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, dan hendaklah di-kembalikan dengan penoh di-lengkapkan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 5 April, 1965.

Ketua2 Pejabat ada-lah di-kehendaki untuk menentukan ketebulan kenyataan2 yang telah di-buat oleh si-pemohon dan menghantarkan penyata2 sulit mereka atas pekerjaan2 pegawai2 itu dan kesesuaian-nya bagi jawatan yang tersebut. Satu salinan Penyata Perkhidmatan-nya yang lengkap hendaklah di-kembalikan.

Juru Trengkas Melayu di-Pejabat Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi jawatan kosong sebagai Juru Trengkas Melayu di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.

GAJI: Dalam sukatan gaji D(a)1—2—3—4—5 \$350—370—380 x 20—560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:—

Pemohon2 mesti-lah boleh

menulis trengkas selaju 80 perkataan sa-minit dan boleh menaip sekurang2nya 40 perkataan sa-minit.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siap di-kehendaki menghantarkan laporan sulit dan Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Mach 1965.

Pembantu Teknik Rendah

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 yang berjawatan tetap yang sedang berkhidmat sa-bagai "Belip Tanah" di-dalam Perkhidmatan Kerajaan untuk memenohi jawatan sa-bagai "Pembantu Teknik Rendah Tingkatan Khas" di-Pejabat Tanah, Brunei.

GAJI: Dalam sukatan gaji C (b) 2—3 = \$570x30—840.

KELAYAKAN2:

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan yang tersebut di-bawah ini sahaja yang di-kehendaki memohon:—

(a) Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sa-bagai Belip Tanah.

(b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam hal sukat menyukat tanah.

(c) Pemohon2 mesti-lah pandai menggunakan perkakas sukat menyukat (surveying instruments).

(d) Pemohon2 mesti-lah mempunyai sedikit pengalaman mengenai taksir menaksir tanah.

Permohonan2 hendaklah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon itu bersama dengan satu salinan Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh didapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 7 April, 1965.

TAWARAN2 Membesarkan Pejabat Pegawai Daerah di-Temburong, Brunei

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei daripada Kontrektor2 kelas "C" keatas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang pada hari Ithnin 22 Mach, 1965 bagi:

MEMBESARKAN PEJABAT PEGAWAI DAERAH DI-TEMBURONG, BRUNEI.

- Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.
- Pelan dan butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.
- Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.
- Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.
- Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya "MEMBESARKAN PEJABAT PE-

GAWAI DAERAH DI-TEMBURONG, BRUNEI".

- Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.
- Bayaran chengkeram tawaran ialah \$100.00 (Sa-ratus ringgit sahaja). Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya dengan kembalikan2 lukisan2 kepada Jabatan Kerja Raya, Brunei selepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran tersebut.
- Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.
- Tawaran2 yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.
- Kontrektor yang berjaya hendaklah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sebanyak 5% dari harga tawaran-nya. Jika ini tidak boleh di-adakan, wang tunai jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga kontrek itu mesti-lah di-bayar.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

Hamparan Untuk Masjid2

1. Sabarang Tawaran akan di-terima oleh Pengurus Lembaga Tawaran di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, di-tingkat bawah Bangunan Besar Jabatan2 Kerajaan Bandar Brunei, sahingga jam 4.00 petang hari Sabtu, 10 April, 1965 bagi mengadakan hamparan yang di-sebutkan di-bawah (carpets) untuk masjid2 berikut yang sedang da'lam pembinaan masa ini:—

(a) MASJID HASSANAL BOLKIAH, TUTONG:

- Jumlah keluasan yang di-kehendaki hamparan ialah 78 kaki 9 inci x 78 kaki 9 inci persegi.
- Sukatan tiap2 satu hamparan ia-lah 15 kaki 9 inci x 15 kaki 9 inci persegi.

(b) MASJID UTAMA MOHAMMED SALLEH, TEMBURONG:—

- Jumlah keluasan yang di-kehendaki hamparan 63 kaki x 63 kaki persegi.
- Sukatan tiap2 satu hamparan ia-lah 15 kaki 9 inci x 15 kaki 9 inci persegi.

2. Dalam semua tawaran hendaklah di-nyatakan dengan terangnya harga C.I.F. (termasuk Insurance dan Freight) tiap2 sa-kaki persegi dan chonoh2 hamparan serta warna2-nya

ada-lah di-kehendaki dan gimpoh sampai-nya di-nyatakan.

3. Semua tawaran hendaklah di-hantar dalam sarong surat yang tertutup kemas dengan tidak menyatakan nama penawar-nya dan hendaklah di-kirimkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat yang di-sebutkan di-peranggan (1) di-atas. Sampol Surat hendaklah ditandakan bagini: "Hamparan Untuk Masjid".

4. Kerajaan tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang sa-rendah2 sekali.

KENYATAAN PEJABAT BANDARAN, BRUNEI

Dengan ini di-ma'alomkan kepada orang ramai bahawa lisen2 anjing bagi tahun 1965 sekarang boleh di-dapati dari Pejabat Bandaran, Bandar Brunei, dengan di-kenakan bayaran \$3.00 bagi satu ekor anjing jantan dan \$5.00 bagi anjing betina pada satu tahun.

Jawatan - Jawatan Kosong: Pegawai Mubaligh dan Pegawai Pengawal Haji

Permohonan2 adalah di-jemput daripada ra'ayat Sultan Brunei yang beragama Islam atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Hal Ehwal Uagama, Brunei.

**(i) PEGAWAI MUBALIGH:
KELAYAKAN2:**

(a) Umor di-antara 18 tahun hingga 30 tahun

(b) Tahu menulis dan membaca dalam bahasa Melayu.

(c) Di-utamakan orang yang tahu bahasa puak di-Brunei selain daripada Bahasa Melayu.

(d) Mempunyai pengetahuan Uga-ma serba-sedikit.

TUGAS: Chalon yang terpilih akan menjalani latehan2 yang sewajarnya sebelum bertugas di-pen-

dalam untuk mengembangkan Uagama Islam di-sana.

GAJI: Dalam tingkatan gaji \$183 x 7 — 211 — 220 x 10 — 260 — 280 — 290 — 300 sa-bulan.

(ii) PEGAWAI PENGAWAL HAJI:

KELAYAKAN2 DAN PENG-ALAMAN:

(a) Umor di-antara 18 tahun hingga 40 tahun.

(b) Mesti berkelulusan Darjah IV Melayu dan Form III Inggeris atau sebanding dengan-nya.

(c) Mempunyai pengetahuan Uga-ma yang berpatutan.

(d) Pengalaman bekerja dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun.

TUGAS:

(a) Mengawal hal ehwal urusan Haji.

(b) Menyediakan pass-pass Haji, menguruskan perjalanan Jema'ah Haji Brunei.

GAJI: Dalam sukatan gaji \$350 — 370 — 380 x 20 — 560 sa-bulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu.

Permohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei mesti-lah di-kembalikan kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama, Brunei, tidak lewat daripada 5 April, 1965

PENYELENGGARA SETOR


Permohonan2 adalah di-jemput bagi memenohi jawatan2 kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkatan III di-Jabatan Pelajaran, Brunei. Ada tiga jawatan kosong.

Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat Sultan dan hendak-lah lulus Darjah V Melayu dan Form I Inggeris. Pengtahuan tentang kerja2 setor adalah menjadi keutamaan.


GAJI: Dalam sukatan E. 1—2 —3. \$183 x 7—211—220 x 10—260 —280—290—300.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat mereka siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.


Permohonan2 yang mana mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1 April, 1965.



Maktab Perguruan Melayu Brunei telah berjaya memenangi Perlumbaan Berjalan Kaki Bahagian Pasokan sa jauh 17 batu dari Pekan Muara ka-Bandar Brunei baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamad sedang menyampaikan Perisai Rebutan kepada sa-orang wakil M.P.M.B. di-majlis menyampaikan hadiah perlumbaan tersebut.



Gambar2 atas, bawah dan kiri menunjukkan sa-bilangan dari tarian2 yang telah di-persembahkan di-temasha Aneka Warna Perayaan Pembukaan Rasmi Bangunan Guru2 Melayu Brunei dan Perayaan Jubli Perak Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Dewan bangunan tersebut baharu2 ini.



Gambar atas: Tarian Samalindang oleh anggota2 Badan Kebudayaan dan Kesenian Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Gambar bawah: Tarian oleh penuntut2 Maktab Anthony Abell, Seria.

Gambar kiri: Tarian Adai-Adai oleh Guru2 Melayu tempatan.

TITAH D. Y. M. M.

(Dari Muka 1)

di-harap2kan. Dasar permusoh-an yang sengahaja terhadap konsep Malaysia, satu "konferantasi" yang nyata sebab2 bertambah2nya pencherobohan terhadap negara tetangga kita Malaysia telah mengakibatkan anchaman kenteraan dari Indonesia yang mana keutamaan laila azam perediaan berjaga2 yang berkehendakkan langkah2 pertahanan yang tegas.

"Dengan sebab ini-lah laila puchanya maka General Dato Walker, selaku Pengarah Pergerakan Tentera, telah di-tugaskan mengawal kedudukan itu dan chara bagaimana gerakan2 tentera ini di-laksanakan maka (di-sisi kesucian laila kenangan pada membuktikan hasrat laila ingatan) ada-lah bagi kita semua memberi pujian.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, dalam titah ucapan Baginda, telah mengalu2kan Major General G.H. Lea yang akan menggantikan Dato Seri Setia Major General Walker ka-negeri ini dan yakin bahawa General Lea akan mendapati yang Baginda dan Kerajaan Baginda sangat2 bersedia untuk memberi segala bantuan yang dapat di-berikan kepada General Lea dalam menjalankan tanggung-jawab2 beliau yang berat itu.

Baginda telah mengucapkan terima kasih bagi pehak diri Baginda dan ra'ayat Brunei kepada Dato Seri Setia Major General Walker terhadap segala yang telah beliau lakukan dan berdo'a sa-moga beliau dan Datin Walker akan sentiasa berada di-dalam kebahagiaan dan kesejahteraan di-masa yang akan datang.

Dato Seri Setia Major General Walker telah mengucapkan ber-banyak2 terima kasih atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan mera'ikan beliau di-majlis tersebut. Beliau berharap bahawa budi baik Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan memberikan berbagai2 kemudahan dan sebagai-nya kepada tentera2 di-negeri ini akan

mengeratkan perpaduan yang rapat itu kerana dengan hal yang sademikian dapat-lah beliau sebagai "sa-orang seldadu" menjalankan tugas dalam hal ehwal pertahanan.

Kemudian Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah mengurniakan chenderamata2 kepada Dato Seri Setia Major General Walker dan Datin Walker.

Sa-lepas itu telah di-adakan persembahan nyanyian khas mengandungi pujian kepada Dato dan Datin Walker, tarihan2 kebudayaan panchak silat dan kuntau.

Majlis itu telah di-serikan dengan persembahan musik oleh Pancharagam Pulis Brunei.

LANTEKAN BAHARU

BANDAR BRUNEI.—Awang W. N. Hugh-Jones, M. V. O. telah di-lantek sebagai Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, menggantikan Yang Terutama Awang E. O. Laird M.B.E.

PERTANDINGAN "TALENTINE"

SERIA.—Pertandingan "Talentine" Daerah Belait, Bahagian Saparoh Akhir di-bawah anjoran Pertubuhan Jaycee, Chawangan Belait telah di-adakan di-Pangong Wayang Roxana, Seria pada malam 4 Mach, 1965.

Hasil dari kutipan jualan tiket2 ditemasha tersebut akan di-gunakan bagi membantu Derma Pelajaran dan lain2nya yang di-anjorkan oleh Pertubuhan Jaycee, Chawangan Belait.

Awang Andrew Phang dari Radio Brunei telah bertugas sa-bagai Juru Achara temasha tersebut dan keputusan-nya ada-lah seperti di-bawah ini:

Bahagian Nyanyian Persaorangan dan Pasokan: 1. Chong Kong Meng. 2. Dayang Florence Clark. 3. The Rebels. 4. George Clark. 5. Abdillah Zakiah dan 6. The Phatoms.

Bahagian Pancharagam: 1. The Spinning Crystals. 2. Les Wanderers dan 3. The Runaways.

Saudagar2 China Di-Brunei Berikrar Menggunakan Bahasa Melayu di-Segala Lapangan

BANDAR BRUNEI. — Wakil2 dari Dewan Perniagaan China, Brunei dan Persatuan Beras dan Gula, Brunei telah berikrar menyokong Dasar Kerajaan Negeri Brunei menggunakan Bahasa Melayu menjadi Bahasa Rasmi negeri ini.

Mereka juga sanggup hendak bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dalam usaha memajukan Bahasa Melayu itu dalam segala lapangan. Demikian kesimpulan yang diperolehi dalam satu perjumpaan di-antara Wakil2 dari Dewan Perniagaan China, Brunei serta Persatuan Beras dan Gula Brunei dengan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar.

Perjumpaan tersebut telah di-adakan di-Pejabat Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada pagi hari Isnin 8 Mach, 1965, untuk bertukar2 fikiran berkenaan dengan pemakaian Bahasa Melayu di-segala lapangan, seperti lapangan perniagaan, penggunaan tulisan papan2 nama sharikat2 perniagaan tempatan, perchakapan sehari2 dan sebagai-nya.

Dalam perjumpaan itu, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil telah memberi berbagai2 penerangan berkenaan dengan perkara2 tersebut. Beberapa orang para perwakilan telah mengeluarkan so'alan2 dan Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil telah menjawab so'alan2 itu dengan memberi penerangan2 mengikut sebagaimana yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri Brunei berkenaan dengan memakai Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Rasmi negeri ini.

Beliau juga telah memujikan Dewan Perniagaan China Brunei yang telah menggunakan Bahasa Melayu dalam Majlis Jamuan yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada malam 7 Mach untuk mera'ikan lawatan sa-orang Pegawai Kerajaan Formosa ka-Negeri Brunei.

PERADUAN KESIHATAN KANAK2

BANDAR BRUNEI. — Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei akan mengadakan Peraduan Kesihatan Kanak2 di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada hari Juma'at 19 Mach, 1965 mulai pada pukul 8 pagi.

Peraduan tersebut di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-itu bahagian kanak2 yang berumur dari 6 bulan hingga ka-11 bulan dan bahagian kanak2 yang berumur dari 11 bulan hingga ka-18 bulan.

MAJLIS MENYAMPAIKAN HADIAH PEMENANG2 CHERPEN DAN SAJAK ANJORN ASTERAWANI

BANDAR BRUNEI. — Satu Majlis menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 Peraduan ChERPEN dan Peraduan Sajak anjoran Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada petang hari Juma'at 12 Mach, 1965.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar yang juga menjadi Penasehat Persatuan Astarawani.

Yang Berhormat Awang Haji Jamil telah juga melafadzkan satu ucapan di-majlis tersebut. Terlebih dahulu Naib Yang Dipertua Persatuan Astarawani, Awang Abdul Samad bin Abdul Kahar selaku Wakil Yang Dipertua Persatuan Astarawani Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin (kini berada di-Tanah Suchi kerana menunaikan fardhu Haji) telah berucap di-majlis tersebut.

Pemenang2 peraduan2 tersebut ada-lah seperti berikut:

PERADUAN CHERPEN: 1. Awangku Mahmud Pengiran Damit dari Bandar Brunei. ChERPEN-nya berjudul, "Penghuni Piasau Tunjong". 2. Awang Ibrahim Muhammad dari Bandar Brunei. ChERPEN-nya berjudul, "Bichara Dua Kawan Ikrab". 3. Awang Sa'ady Taib dari Tutong. ChERPEN-nya berjudul, "Hari Bertukar Cherah". 4. Awang Abu Naim Mohd. Said dari Kuala Belait, ChERPEN-nya berjudul, "Mautnya Bomoh Pa' Junam".

PERADUAN SAJAK: 1. Awang Mahadi Metarsad dari Muara. Tajok Sajak-nya, "Retak Di-Bulan Berbis Di-Bumi". 2. Awangku Mahmud Pengiran Damit dari Bandar Brunei. Tajok Sajak-nya, "Manusia Memburu Manusia Yang Di-Buru". 3. Awang Ibrahim Muhammad dari Bandar Brunei. Tajok Sajak-nya, "Peremuan". 4. Awang Abdul Hamid Jaludin dari Bandar Brunei. Tajok Sajak-nya, "Fitrah".

D. Y. M. M. Akan Merasmikan Pertunjukan Gambar2 Jerman

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, atas jemputan dari Konsol-Jeneral Persekutuan Jerman di-Singapura, Herr Defley Scheel, akan merasmikan Pertunjukan Gambar2 dan Poster2 berkenaan dengan chara2 penghidupan di-Persekutuan Republik Jerman, bertempat di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada hari Khamis 18 Mach, 1965.

Pertunjukan tersebut akan dibuka kepada orang ramai dari pukul 4 petang hingga ka-pukul 9 malam pada tiap2 hari selama sa-minggu kechuali pada hari Sabtu 20 Mach, 1965

Orang ramai yang menyaksikan pertunjukan tersebut akan di-beri risalah2 dan sebagai-nya yang mengandungi berbagai2 perkara berkenaan dengan keadaan masharakat di-Negeri Jerman Barat, kebudayaan dan sebagai-nya.

Pertunjukan tersebut juga sesuai untuk di-lihat oleh murid2 sekolah dan guru2 mereka adalah di-jemput membawa murid2 mereka ka-temasha tersebut.

JABATAN MUSEUM BERPINDAH

Jabatan Museum Brunei telah berpindah ka-Pejabatnya yang baharu di-tingkat pertama bangunan Dewan Kemasyarakatan, B a n d a r Brunei.

Nombor talipon-nya ia-lah 846.